Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

PSKPM perlu jadi 'serampang pelbagai mata' tingkat sistem pendidikan negara

September 25, 2024 @ 8:02am

Minda Pengarang

Sistem pendidikan adalah tunjang pembangunan negara kerana ia bukan sahaja menyediakan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada generasi semasa serta akan datang, tetapi membantu memacu pertumbuhan ekonomi dan memakmurkan negara. Atas faktor ini, kejayaan sistem pendidikan amat bergantung kepada pelan dirangka kerajaan bagaimana hendak mencorakkan pemikiran, pembawaan dan nilai pelajar bagi melahirkan generasi berkualiti jasmani dan rohani.

Kelmarin, Kementerian Pendidikan (KPM) melancarkan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan Malaysia (PSKPM) 2024 - 2030 mengandungi lima teras strategik bagi menangani isu pendidikan secara sistematik dan holistik, sejajar peredaran masa.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, berkata pelan tindakan itu akan dilaksanakan secara komprehensif bagi tempoh tujuh tahun akan datang merangkumi aspek meningkatkan akses dan kualiti pendidikan, mengukuhkan pendidikan digital, menambah baik kemudahan asas institusi pendidikan KPM, memperkasakan pengurusan sumber manusia dan mengislahkan sistem tatakelola

Lima teras itu akan didukung 17 strategi, 66 program dan 82 petunjuk prestasi utama (KPI) dirangka untuk mencapai visi dan misi KPM bagi memenuhi aspirasi negara. PSKPM ini bakal menjadi dokumen rasmi memeta hal tuju sistem pendidikan negara menerusi anjakan paradigma dalam kurikulum persekolahan Malaysia supaya selari perubahan semasa dunia, selain menyediakan generasi kompetensi, bersahsiah, kukuh jati diri, berdaya tahan dan kalis masa hadapan.



Bangunan Kementerian Pendidikan (KPM).

Hakikatnya, kurikulum sekolah adalah nadi utama mencorakkan generasi akan datang melalui sistem pendidikan menekankan nilai kemanusiaan, kaya budaya ilmu, tinggi sahsiah dan adab tanpa meninggalkan elemen teknologi terkini pada era digitalisasi. Maka pembentukan pelan baharu, segar dan berdaya saing bukan satu pilihan tetapi satu kemestian. Apa yang penting PSKPM ini antara langkah terancang bagi memulihkan kembali tahap pendidikan formal kepada pelajar terutama selepas beberapa isu berbangkit timbul sebelum ini antaranya kemerosotan dalam purata pencapaian ketiga-tiga domain literasi dalam Program Pentaksiran Pelajar Antarabangsa (PISA) 2022.

'Terkesan' dengan laporan PISA, KPM ternyata tidak menunggu lama untuk menyusun kembali sistem pendidikan dengan mengutamakan keperluan untuk menilai semula kandungan kurikulum kebangsaan, penggunaan peranti digital bagi pembelajaran serta menilai semula pengagihan sumber optimum termasuk guru, peranti, infrastruktur dan bahan pengajaran.

KPM pada era Kerajaan Perpaduan sudah tentu cuba untuk 'lari' daripada bayangan sistem pendidikan silam, perlu melakukan reformasi secara bertahap, namun ia tidak semudah memetik jari untuk dirangka dan dilaksanakan. Sebagaimana isu Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) membahang sebelum ini, pelancaran PSKPM diharap menjadi 'serampang pelbagai mata' untuk KPM menangkis pelbagai andaian, tohmahan dan kritikan berbangkit.

Maka, semua pihak harus bersabar, memberi peluang kepada KPM melaksanakan pembaharuan dan reformasi difikirkan wajar dan memenuhi kehendak zaman.